

NO. SOALAN : 396

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**SOALAN:**

**YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah dan peratus kerahan anggota tentera, bomba, Jabatan Pertahanan Awam dan polis yang bertugas khusus bagi operasi banjir. Apakah bentuk tugasan yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan dan nyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada peruntukan yang telah digariskan pada Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir yang disediakan Majlis Keselamatan Negara (MKN), agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia bertanggungjawab untuk melaksanakan operasi mencari, menyelamat dan memindahkan mangsa yang terjejas akibat banjir.

Selain itu, agensi-agensi ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan aset-aset bersesuaian untuk tugas penghantaran barang bantuan seperti makanan, keperluan asas dan sebagainya. Antara aset yang telah digunakan adalah lori, kenderaan pacuan empat roda, bot, helikopter dan lain-lain aset yang bersesuaian. Bagi menyokong pelaksanaan operasi ini, semua agensi-agensi pelaksana di peringkat daerah, negeri dan pusat turut bertanggungjawab untuk bagi merancang penyediaan tenaga kerja yang mencukupi bagi tujuan berkenaan.

Berbeza dengan agensi lain, Polis Diraja Malaysia turut bertanggungjawab sebagai Komander Operasi Bencana yang berperanan untuk merancang dan menyelaras atur gerak operasi yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi lain.

Sekian. Terima kasih.